

INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



IMPAK PENGGUNAAN TIKTOK DAN PERUBAHAN SOSIAL REMAJA DI MALAYSIA

THE IMPACT OF TIKTOK USAGE AND SOCIAL CHANGES AMONG ADOLESCENTS IN MALAYSIA

Suhaila Ngadiron^{1*}, Sharifah Sofiah Syed Zanudin²

¹ Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Malaysia
Email: suhaila.ngadiron@newinti.edu.my

² Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Malaysia
Email: sharifahsofiah@upm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 11.11.2024

Revised date: 09.12.2024

Accepted date: 16.02.2025

Published date: 03.03.2025

To cite this document:

Ngadiron, S., & Zanudin, S. S. S. (2025). Impak Penggunaan Tiktok Dan Perubahan Sosial Remaja Di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (57), 133-141.

DOI: 10.35631/IJEPC.1057009

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Penggunaan aplikasi TikTok kini digunakan secara meluas di Malaysia. Dengan mengetengahkan konsep hiburan yang mudah diterapkan kepada golongan ramai khususnya remaja, TikTok telah menjadi salah satu media sosial yang semakin popular di Malaysia. Mempunyai bahan "aliran tanpa henti", remaja cenderung menghabiskan banyak masa dan terdedah kepada ketagih menonton video di TikTok. Malah, didapati ramai remaja berumur cenderung menghabiskan masa di rumah hanya untuk melayari TikTok pada setiap hari. Penggunaan TikTok secara berlebihan sehingga menyebabkan ketagihan terutamanya dalam kalangan remaja begitu membimbangkan. Penggunaan secara meluas dan tanpa kawalan ini bukan sahaja memberi kesan positif tetapi juga turut memberi kesan negatif seperti masalah mental dan tingkah laku, serta penurunan motivasi akademik jika pengguna telah ketagih. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti impak penggunaan TikTok dan perubahan sosial remaja di Malaysia. Kajian kuantitatif akan dijalankan ke atas 100 sampel yang terdiri daripada remaja yang berada di salah sebuah institusi pendidikan di Lembah Klang. Pemilihan responden bagi kajian ini dilakukan secara persampelan rawak mudah. Kajian ini amat penting untuk mengenalpasti dengan lebih mendalam impak penggunaan TikTok terhadap perubahan sosial dalam kalangan remaja. Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai kesan terhadap perubahan sosial remaja seperti kurang keyakinan diri, pembaziran masa dan tekanan akibat terdedah dengan kandungan TikTok yang tidak bermoral. Melalui kajian ini, diharap pihak berkuasa dapat membuat dasar dan polisi yang bersesuaian bagi membendung masalah impak ketagihan TikTok serta perubahan sosial dalam kalangan remaja di Malaysia.

Kata Kunci:

Ketagihan, Media Sosial, Penggunaan TikTok, Perubahan Sosial, Remaja

Abstract:

The use of the TikTok application has become widespread in Malaysia. By promoting an easily accessible entertainment concept, TikTok has gained popularity, especially among adolescents. With its "endless stream" of content, teenagers tend to spend significant amounts of time on the platform, making them susceptible to video-watching addiction. Many adolescents spend excessive hours at home daily just browsing TikTok. The uncontrolled and excessive use of TikTok, leading to addiction, is a growing concern, particularly among teenagers. While TikTok usage offers some positive aspects, it also has negative consequences, such as mental and behavioral issues and decreased academic motivation among addicted users. Therefore, the primary objective of this study is to identify the impact of TikTok usage on social changes among adolescents in Malaysia. A quantitative study will be conducted on a sample of 100 adolescents from an educational institution in the Klang Valley, selected through simple random sampling. This study is crucial in providing a deeper understanding of the effects of TikTok usage on adolescent social changes. The findings indicate various social impacts, including reduced self-confidence, time wastage, and psychological distress due to exposure to unethical content on TikTok. This study aims to assist authorities in formulating appropriate policies and regulations to mitigate the effects of TikTok addiction and its influence on adolescent social changes in Malaysia.


Keywords:

Addiction, Social Media, TikTok Usage, Social Changes, Adolescents

Pengenalan

Pandemik COVID-19 membawa amalan baharu secara talian dalam kehidupan dan aktiviti masyarakat apabila Malaysia merekodkan 28.68 juta pengguna media sosial atau 83.1 peratus daripada jumlah penduduknya. Statistik ini menunjukkan rakyat Malaysia antara yang paling aktif menggunakan media sosial, dengan peningkatan 2 juta pengguna atau 17 peratus dalam tempoh setahun dari tahun 2020 (MCMC, 2024). Secara purata, rakyat Malaysia menghabiskan 2 jam 48 minit sehari menggunakan media sosial (Global Digital Report, 2024).

Antara platform yang mencatatkan penggunaan tertinggi ialah Facebook, WhatsApp, Instagram, TikTok, dan YouTube, yang digunakan untuk berkongsi maklumat, bersosial, mengisi masa lapang, tujuan akademik, keusahawanan, dakwah, dan hiburan (Abbas Naqvi et al., 2020; Ahmed, 2019; Atiqah et al., 2020; Yusop & Sumari, 2013; Hamat & Hassan, 2019; Shamsiah et al., 2020). Rajah 1 di bawah menunjukkan gambaran keseluruhan statistik penggunaan media sosial Malaysia setakat Januari 2024.



Rajah 1: Gambaran Keseluruhan Penggunaan Media Sosial di Malaysia

Sumber: DataReportal Global Digital Insight (2024)

Antara platform yang semakin mendapat tempat ialah TikTok, dengan 19.3 juta pengguna aktif di Malaysia pada tahun 2022 (Statista, 2023). TikTok menarik minat pengguna yang mencari hiburan dan inspirasi melalui video pendek yang menonjolkan kreativiti serta ekspresi diri. Popularitinya semakin meningkat, khususnya dalam kalangan remaja, kerana reka bentuknya yang interaktif membolehkan mereka mencipta serta berkongsi kandungan dengan mudah. Aplikasi ini telah menjadi sebahagian daripada kehidupan remaja (Chen et al., 2016), selain berpotensi mempengaruhi perubahan sosial dalam kalangan mereka (Zhou, 2019 & Lajnef, 2023).

Sorotan Literatur

Perubahan sosial merujuk kepada transformasi dalam tingkah laku, sikap, dan interaksi sosial yang dipengaruhi oleh media sosial (Nizariah et al., 2021). Hal ini termasuk cara berkomunikasi, membentuk hubungan dalam masyarakat, serta bagaimana remaja melihat diri mereka dan orang lain. Seiring dengan perubahan ini, penggunaan aplikasi TikTok menunjukkan variasi dalam kalangan pengguna, bergantung kepada faktor individu (Kinza et al., 2021). Walau bagaimanapun, penggunaan yang berlebihan boleh membawa kepada ketagihan, mengganggu rutin harian seperti waktu tidur, waktu makan, dan keupayaan menyiapkan tugas (Andrew et al., 2020).

Salah satu kesan utama ketagihan TikTok ialah pengurangan interaksi secara bersemuka, kerana komunikasi lisan semakin digantikan dengan komunikasi bertulis (Andrew et al., 2020). Kebergantungan terhadap bentuk komunikasi ini boleh menjejaskan keupayaan remaja untuk berkomunikasi dengan berkesan dalam situasi kehidupan sebenar (Omar & Dequan, 2020). Malah, platform ini telah mengubah paradigma dan pola pemikiran generasi muda, yang berkemungkinan mempengaruhi norma sosial dan budaya semasa (Syahrudin et al., 2023; Mohd Hamizi, 2023).

Kajian oleh Vannucci et al. (2020) turut mendapati hubungan signifikan antara penggunaan TikTok yang berlebihan dengan peningkatan tingkah laku berisiko seperti penyalahgunaan bahan terlarang dan tingkah laku seksual berisiko. Selain itu, penggunaan TikTok dalam kalangan remaja dikaitkan dengan kesan negatif terhadap kesejahteraan psikologi, termasuk gejala kemurungan (Woods et al., 2016; Banyai et al., 2017; Kelly et al., 2018; Ivie et al., 2020), kebimbangan (Woods et al., 2016), keyakinan diri yang rendah (Woods et al., 2016; Banyai et al., 2017), serta kepuasan hidup yang rendah (Boer et al., 2020). Faktor lain seperti kualiti tidur yang rendah (Buda et al., 2021), gangguan pemakanan (Wilksch et al., 2019), dan ketidakpuasan terhadap imej badan (Kircaburun et al., 2020) juga telah dikaitkan dengan penggunaan TikTok secara berlebihan.

Selain itu, penggunaan TikTok yang bermasalah turut dikaitkan dengan gaya hidup yang tidak sihat, termasuk tahap aktiviti fizikal yang lebih rendah (Wartberg, 2020) dan kesukaran mengurus tanggungjawab harian. Secara keseluruhannya, penggunaan TikTok yang tidak terkawal berpotensi memberikan kesan negatif kepada remaja dari aspek komunikasi, kesejahteraan psikologi, dan gaya hidup.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengenal pasti impak penggunaan TikTok terhadap perubahan sosial remaja di sebuah institusi pendidikan di Lembah Klang. Data dikumpulkan melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden berusia antara 15 hingga 21 tahun. Pemilihan sampel dilakukan menggunakan kaedah persampelan bertujuan bagi memastikan responden yang terlibat mempunyai pengalaman menggunakan TikTok.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi untuk menentukan hubungan antara penggunaan TikTok dan perubahan sosial dalam kalangan remaja. Kajian ini dijalankan melalui borang soal selidik yang diedarkan secara dalam talian menggunakan platform *Google Forms* dengan penyertaan seramai 100 responden. Setiap soalan dalam soal selidik menggunakan skala Likert lima tahap iaitu skala 1: sangat tidak setuju, skala 2: tidak setuju, skala 3: tidak pasti, skala 4: setuju dan skala 5: sangat tidak setuju. Responden diminta menandakan jawapan mereka berdasarkan skala yang dinyatakan bagi setiap pernyataan dalam soal selidik. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 27.

Limitasi Kajian

Kajian ini tertumpu kepada remaja di sekitar Lembah Klang, yang mempunyai tahap pembangunan fizikal dan akses internet yang lebih tinggi berbanding kawasan lain. Oleh itu, dapatan kajian ini mungkin tidak dapat digeneralisasikan kepada remaja di luar bandar atau negeri lain yang memiliki latar belakang sosioekonomi serta akses digital yang berbeza. Selain itu, budaya penggunaan media sosial dalam kalangan remaja di Lembah Klang mungkin berbeza dengan remaja di kawasan lain, menjadikan hasil kajian ini lebih relevan dalam konteks bandar.

Normah Mustaffa et al. (2013) turut menyokong pemerhatian ini dengan mendapati bahawa sebahagian besar remaja di Lembah Klang menggunakan internet untuk tujuan sosial seperti hiburan dan mendapatkan maklumat. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa remaja di kawasan ini banyak bergantung pada internet untuk memahami persekitaran sosial, berinteraksi, dan memenuhi keperluan sosial mereka. Oleh itu, walaupun penumpuan kajian

ini kepada remaja di Lembah Klang bersesuaian dengan konteks kajian, ia tetap menjadi satu limitasi dalam memperluaskan dapatan kepada populasi remaja di kawasan lain.

Dapatan Kajian

Berdasarkan Jadual 1, item dengan nilai min tertinggi (3.86) ialah "TikTok menyebabkan saya tidak produktif dan mengganggu aktiviti kehidupan seharian saya" serta "Saya perlu memantau aplikasi TikTok saya dengan kerap" dengan sisihan piawai masing-masing sebanyak 1.02. Keputusan ini menunjukkan bahawa remaja kerap memantau aplikasi TikTok mereka yang secara tidak langsung mengurangkan produktiviti dan mengganggu aktiviti harian mereka.

Dapatan ini selari dengan kajian Blackwell et al. (2017) yang mendapati bahawa remaja yang mengalami ketagihan media sosial cenderung menghabiskan masa yang panjang di platform tersebut, mengabaikan peranan serta tanggungjawab utama, mengelak daripada aktiviti sosial di dunia nyata dan berasa gelisah atau cemas apabila tidak dapat mengakses media sosial dalam sehari. Selain itu, Blackwell et al. (2017) turut menyatakan bahawa penggunaan TikTok secara berlebihan boleh meningkatkan perasaan cemas atau takut ketinggalan (fear of missing out, FOMO). Fenomena ini berlaku apabila seseorang melihat kemas kini atau hantaran di TikTok yang menggambarkan aktiviti menarik seperti pesta, percutian atau acara sosial sehingga menimbulkan perasaan kebimbangan, tekanan dan penurunan kepuasan hidup. Akibatnya, mereka cenderung untuk lebih kerap mengakses TikTok bagi mengatasi perasaan tersebut.

Selain kesan terhadap tingkah laku sosial dan kesejahteraan psikologi, penggunaan media sosial secara berlebihan turut memberi implikasi terhadap kesihatan fizikal remaja. Kajian oleh Méndez-Díaz (2022) melaporkan bahawa 95% remaja memiliki akses kepada telefon pintar dan hampir separuh daripada mereka mengakui bahawa mereka hampir selalu berada dalam talian. Tingkah laku ketagihan ini boleh menyebabkan pelbagai masalah kesihatan fizikal seperti keletihan mata, sakit kepala, insomnia, perubahan berat badan, keletihan yang serius, dan ketegangan otot. Jika gejala ini berterusan dalam jangka masa panjang, ia berpotensi membawa kepada masalah kesihatan yang lebih serius.

Jadual 1: Impak Penggunaan TikTok terhadap Perubahan Sosial Remaja

No.	Item	Min	Sisihan Piawai
1.	TikTok telah memberi kesan negatif kepada pelajaran saya.	3.65	1.14
2.	TikTok menyebabkan saya tidak produktif dan mengganggu aktiviti kehidupan seharian saya.	3.86	1.02
3.	TikTok telah menjadikan saya kurang bergaul.	3.59	1.19
4.	TikTok telah menjadikan saya seorang yang tidak aktif secara fizikal.	3.55	1.20
5.	TikTok telah menjadikan saya seorang yang kurang fokus dari segi mental.	3.68	1.08

6.	TikTok membolehkan saya meluahkan pandangan secara bebas tanpa perlu bersosial.	3.50	1.12
7.	Saya akan mengikuti gaya berkomunikasi dan fesyen pempengaruh TikTok.	3.37	1.06
8.	Pempengaruh TikTok telah mengubah cara saya berfikir dan berkelakuan.	3.16	1.12
9.	Saya berasa yakin dan hebat selepas mengikuti trend yang diperkenalkan oleh pempengaruh TikTok yang terkenal.	3.54	1.18
10.	Komen oleh orang lain di TikTok telah mengubah cara saya berkelakuan.	3.59	1.19
11.	Saya perlu memantau alat aplikasi TikTok saya dengan kerap.	3.86	1.02
12.	Saya akan mendapat manfaat dalam kehidupan saya dengan penggunaan aplikasi TikTok.	3.23	1.14
Purata Min dan Sisihan Piawai		3.55	1.12

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa remaja sangat bergantung kepada TikTok dalam kehidupan seharian mereka untuk pelbagai tujuan. Hal ini selari dengan Teori Kebergantungan Media yang mengandaikan bahawa individu bergantung kepada media sosial untuk memenuhi keperluan dan mencapai matlamat mereka tetapi tidak semestinya bergantung kepada pelbagai platform media sosial sekaligus (Muhammad Adnan et al., 2019). Dalam konteks kajian ini, TikTok menjadi platform utama yang digunakan oleh remaja untuk mendapatkan hiburan, maklumat, berita, permainan, pendidikan, dan lain-lain. Kemudahan akses kepada internet yang meluas turut menyumbang kepada penggunaan TikTok dalam tempoh yang panjang malah dalam sesetengah kes tanpa had waktu yang jelas.

Dapatan kajian ini turut menekankan kepentingan kawalan sendiri dalam penggunaan media sosial. Remaja perlu lebih bijak dalam menguruskan masa dan menilai kandungan yang mereka gunakan agar tidak mudah terpengaruh dengan elemen negatif. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan TikTok memberikan lebih banyak implikasi negatif berbanding positif kepada remaja. Oleh itu, langkah-langkah kesedaran dan pendidikan digital perlu diperkukuhkan bagi memastikan penggunaan media sosial yang lebih bertanggungjawab dan bermanfaat demi kesejahteraan diri serta masyarakat.

Penghargaan

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan dan bantuan sepanjang proses penyelidikan ini. Penghargaan khas ditujukan kepada penyelia serta individu yang telah menyumbangkan masa, kepakaran, dan dorongan dalam memastikan kejayaan kajian ini. Selain itu, ucapan terima

kasih yang tidak terhingga turut diberikan kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) atas sokongan kewangan melalui geran penyelidikan yang telah membantu dalam pelaksanaan kajian ini. Akhir sekali, saya ingin menegaskan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang dilaporkan dalam kajian ini.

Rujukan

- Ab Halim, F., & Muslaini, M. S. M. (2018). Impak media sosial terhadap tingkah laku sosial pelajar di kolej vokasional. *Online Journal for TVET Practitioners*, 3(1).
- Abbas Naqvi, M. H., Jiang, Y., Miao, M., & Naqvi, M. H. (2020). The effect of social influence, trust, and entertainment value on social media use: Evidence from Pakistan. *Cogent Business and Management*, 7(1). <https://doi.org/10.1080/23311975.2020.1723825>
- Ahmed, E. R., Rahim, N. F. A., Alabullah, T. T. Y., & Thottoli, M. M. (2019). An Examination of Social Media Role in Entrepreneurial Intention among Accounting Students: A SEM Study. *Journal of Modern Accounting and Auditing*, 15(12), 577–589. <https://doi.org/10.17265/1548-6583/2019.12.003>
- Andrew, F. T., Tahir, Z., Malek, J. A., & Yusof, A. R. M. (2020). Ketagihan penggunaan media sosial terhadap gaya hidup belia. *e-BANGI*, 17(9), 126-139.
- Azlan, N. A. M., Abidin, N. S. Z., Saahar, S., & Alimom, N. (2020). Spiritualizing new media: The use of social media for da'wah purposes within Malaysian Muslim. *International Journal of Advanced Research in Islamic and Humanities*, 2(3), 30-41.
- Blackwell, D., Leaman, C., Tramposch, R., Osborne, C., & Liss, M. (2017). Extraversion, neuroticism, attachment style and fear of missing out as predictors of social media use and addiction. *Personality and Individual Differences*, 116, 69-72.
- Boer, M., Van Den Eijnden, R. J., Boniel-Nissim, M., Wong, S. L., Inchley, J. C., Badura, P., & Stevens, G. W. (2020). Adolescents' intense and problematic social media use and their well-being in 29 countries. *Journal of adolescent health*, 66(6), S89-S99.
- Buda, G., Lukoševičiūtė, J., Šalčiūnaitė, L., & Šmigelskas, K. (2021). Possible effects of social media use on adolescent health behaviors and perceptions. *Psychological reports*, 124(3), 1031-1048.
- Chen, W., Fan, C. Y., Liu, Q. X., Zhou, Z. K., & Xie, X. C. (2016). Passive social network site use and subjective well-being: A moderated mediation model. *Computers in Human Behavior*, 64, 507-514.
- Hamat, A., & Hassan, H. A. (2019). Use of social media for informal language learning by Malaysian University Students. *3L: Language, Linguistics, Literature*, 25(4), 68–83. <https://doi.org/10.17576/3L-2019-2504-05>
- DataReportal. (2023). *Digital 2023: Malaysia*. Retrieved from <https://datareportal.com/reports/digital-2023-malaysia>
- DataReportal. (2024). *Digital 2024: Malaysia*. Retrieved from <https://datareportal.com/reports/digital-2024-malaysia>
- Ivie, E. J., Pettitt, A., Moses, L. J., & Allen, N. B. (2020). A meta-analysis of the association between adolescent social media use and depressive symptoms. *Journal of affective disorders*, 275, 165-174.
- Kelly, Y., Zilanawala, A., Booker, C., & Sacker, A. (2018). Social media use and adolescent mental health: Findings from the UK Millennium Cohort Study. *EClinicalMedicine*, 6, 59-68.
- Farooq, K., Bashir, S., Zafar, H., Zarar, R., & Sadiq, W. (2021). The Study on the Role of social media in Social Change in Society. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 15(2), 1298-1313.

- Kircaburun, K., Griffiths, M. D., & Billieux, J. (2020). Childhood emotional maltreatment and problematic social media use among adolescents: The mediating role of body image dissatisfaction. *International Journal of Mental Health and Addiction*, 18, 1536-1547.
- Lajnef, K. (2023). The effect of social media influencers on teenagers' behavior: An empirical study using cognitive map technique. *Current Psychology*, 42(22), 19364-19377.
- Lauer, R. H. (1982). Perspectives on social change; Third edition. Allyn and Bacon, Inc. Boston, London.
- Mangi, S. N., Tabassum, N., & Baloch, R. A. (2018). The Emerging Role of Social Media in Social Change: A Case Study of Burma. *International Journal of Sociology & Anthropology Research*. 4(1), 39-47.
- Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC). (2024). *Household use of the Internet survey 2024*. Malaysian Communications and Multimedia Commission Statistics Report.
- Méndez-Díaz, N., Akabr, G., & Parker-Barnes, L. (2022). The Evolution of Social Media and the Impact on Modern Therapeutic Relationships. *The Family Journal*, 30(1), 59-66.
- Mohd Hamizi, M. A. F. (2023). Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15, 24-37.
- Pitchan, M. A., Omar, S. Z., & Ghazali, A. H. A. (2019). Amalan keselamatan siber pengguna Internet terhadap buli siber, pornografi, e-mel phishing dan pembelian dalam talian. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(3), 212-227.
- Nizariah, N., & Suhendrayatna, S. (2021). *The impact of technology on adolescent social change: A case study on the use of social media*. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.210909.106>
- Mustaffa, N., Mahmud, W. A. W., Ahmad, F., Mahbob, M. H., & Rahim, M. N. (2013). Kebergantungan Internet dan aktiviti online remaja di Lembah Kelang. *Malaysian Journal of Communication*, 29(1), 199-212.
- Omar, B., & Dequan, W. (2020). Watch, share or create: The influence of personality traits and user motivation on TikTok mobile video usage.
- Shamsiah, N., Rahman, A., Handayani, L., & Othman, M. S. (2020). Social media for collaborative learning. *International Journal of Electrical and Computer Engineering (IJECE)*, 10(1), 1070-1078. <https://doi.org/10.11591/ijece.v10i1.pp1070-1078>
- Statista Research Department. (2023). Distribution of monthly active TikTok users in the United States as of March 2021, by age group and gender. <https://www.statista.com/statistics/1095196/tiktok-us-age-gender-reach/>
- Syahrudin, S., Menungsa, A. S., Mahdar, M., Asmurti, A., & Muslan, M. (2023). Fenomena Komunikasi di Era Virtualitas (Sebuah Transisi Sosial sebagai Dampak Eksistensi Media Sosial) (Komarudin (ed.); p. 240). CV.
- Vannucci, A., Simpson, E. G., Gagnon, S., & Ohannessian, C. M. (2020). Social media use and risky behaviors in adolescents: A meta-analysis. *Journal of adolescence*, 79, 258-274.
- Wartberg, L., Kriston, L., & Thomasius, R. (2020). Internet gaming disorder and problematic social media use in a representative sample of German adolescents: Prevalence estimates, comorbid depressive symptoms and related psychosocial aspects. *Computers in Human Behavior*, 103, 31-36.
- Wilksch, S. M., O'Shea, A., Ho, P., Byrne, S., & Wade, T. D. (2020). The relationship between social media use and disordered eating in young adolescents. *International Journal of Eating Disorders*, 53(1), 96-106.
- Woods, H.C.; Scott, H. (2016). Sleepyteens: Social media use in adolescence is associated with poor sleep quality, anxiety, depression and low self-esteem. *J. Adolesc.*, 51, 41-49.

- Yusop, F. D., & Sumari, M. (2013). The use of social media technologies among Malaysian youth. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 103, 1204–1209. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.10.448>
- Zhou, Q. (2019). Understanding user behaviors of creative practice on short video sharing platforms-a case study of TikTok and Bilibili (Doctoral dissertation, University of Cincinnati).